

Teks Ucapan Sempena Program Ramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Warga KETENGAH

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 21/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**PROGRAM RAMAH MESRA YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA KETENGAH**

**21 OKTOBER 2022 | JUMAAT | 10.00 PAGI
PEKARANGAN KOMPLEKS SUKAN BANDAR SERI BANDI,
KEMAMAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama bagi menjayakan **Program Ramah Mesra bersama Warga**

KETENGAH, sempena Mini Karnival Aspirasi Keluarga Malaysia KETENGAH Tahun 2022 pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada KETENGAH, terutamanya YB Dato' Seri Mahdzirbin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar; Yang Berhormat Dato' Seri (Dr.) Haji Ahmad bin Said, Pengerusi KETENGAH dan seluruh Keluarga KETENGAH kerana berjaya menganjurkan majlis ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas undangan ke majlis ini yang disambut meriah oleh penduduk Wilayah KETENGAH. Terima kasih saya ucapkan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Dunia kini berdepan dengan pelbagai ancaman seperti bencana alam akibat perubahan iklim global dan krisis geopolitik yang memberi kesan kepada rangkaian bekalan makanan.

5. Namun, Kerajaan menerusi agensi-agensi di bawah kementerian-kementerian akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kemakmuran seluruh Keluarga Malaysia yang terjejas akibat kesan krisis global tersebut.

6. KETENGAH sendiri telah diberikan mandat untuk membangunkan ekonomi dan sosial di luar bandar supaya kawasan kurang berdaya maju akan mempunyai nilai komersial setanding dengan kawasan bandar.

7. Justeru, saya ingin merakamkan tahniah atas kejayaan KETENGAH dalam melaksanakan program pembangunan ekonomi dan sosial apabila berjaya memajukan kawasan luar bandar melebihi 650,000 hektar yang memberikan manfaat kepada lebih 168,000 penduduk.

8. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada KETENGAH di atas kejayaan mengekalkan prestasi yang baik sekali gus menerima peruntukan pembangunan berjumlah hampir RM1.7 juta, iaitu kenaikan 4.1 peratus, untuk tahun ini.

9. (Bajet untuk ketengah dinaikkan dari 39 juta pada tahun 2022 kepada 56 juta tahun 2023)

10. Kenaikan ini merupakan petunjuk bahawa agensi kerajaan yang berada di bawah kepimpinan Kerajaan Keluarga Malaysia hari ini adalah cekap, berintegriti dan mampu mengurus tadbir ekonomi negara dengan baik.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

11. Bagi tujuan peningkatan ekonomi melalui pembangunan keusahawanan, KETENGAH memperkenalkan Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) bagi menggalakkan penduduk luar bandar menceburi bidang perniagaan dengan kemudahan sokongan disediakan.

12. Sehingga kini, seramai 67 orang usahawan telah menerima sepenuhnya geran berjumlah RM560,000. Hari ini, 24 orang peserta akan menerima geran bernilai RM5,000 seorang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM120,000.

13. Saya yakin dan percaya hasrat KETENGAH untuk meningkatkan pendapatan usahawan desa boleh dicapai dengan pelbagai pendekatan pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh.

14. Bagi penduduk yang telah melangsaikan bayaran rumah pula, surat hakmilik atau geran, akan turut diserahkan kepada mereka.

15. Sebanyak 4,053 unit rumah dan premis bernilai RM74.05 juta telah disediakan untuk Keluarga Malaysia di wilayah KETENGAH bagi memastikan kehidupan persekitaran mereka lebih sejahtera, selamat dan berkualiti.

16. Daripada jumlah itu, sebanyak 91 peratus telah menerima geran mereka manakala 214 orang lagi dari daerah Dungun dan Kemaman akan menerima serahan geran pada hari ini.

17. Selain itu, sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh, sukacita saya mengumumkan anak syarikat KETENGAH iaitu Ketengah Holding Sdn. Bhd. telah menyumbang bot fiber dan peralatan penyelamat kepada pasukan Bomba Sukarela Kampung Jongok Batu bernilai lebih RM36,000 sebagai melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka.

18. KPLB telah meluluskan sejumlah RM1.9 juta pada tahun ini untuk KETENGAH menyediakan 12 buah rumah baharu dan 87 unit untuk baik pulih. Hari ini seramai 16 penerima akan menerima sumbangan ini.

19. Sementara itu, tiga buah koperasi telah dipilih di bawah Program Desa Lestari (PDL) dengan penyaluran geran berjumlah RM1.5 juta yang akan disalurkan kepada kampung terpilih melalui Koperasi Komuniti.

20. Ini bagi meningkatkan keupayaan komuniti dalam merancang dan menjayakan pelaksanaan program pembangunan ekonomi di kampung.

21. Sukacita juga saya mengumumkan seramai 20 suri dari Wilayah KETENGAH akan mendapat bantuan pembiayaan peralatan jahitan di bawah Program Suri Impian (SURIA) sebanyak RM100,000 bagi

menambah pendapatan keluarga sekali gus keluar daripada belunggu kemiskinan.

22. KETENGAH turut membayar zakat setiap tahun melalui peningkatan pendapatan yang dicapai oleh anak syarikatnya iaitu Ketengah Holding Sdn Bhd yang hari ini menyumbang zakat sebanyak RM1 juta kepada tiga kawasan Parlimen iaitu Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

23. Segala pengumuman yang telah saya umumkan sebentar tadi membuktikan bahawa Keluarga Malaysia di luar bandar juga diberi perhatian oleh Kerajaan dalam pelbagai aspek terutama ekonomi dan bantuan-bantuan lain.

24. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang hadir dan menjayakan program ini.

25. Insya-ALLAH, sekiranya diberikan mandat pada PRU-15, Kerajaan ini akan kembali memimpin dan membawa lebih banyak kemakmuran untuk negara bagi dikongsi bersama-sama.

26. Dengan kata-kata dan harapan itu, saya sudahi ucapan saya dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Sekian, terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/program-ramah-mesra-yab-perdana-menteri-bersama-warga-ketengah/>